

25/09/1997

MB nafi anak syarikat kerajaan negeri terbabit

SHAH ALAM, Rabu - Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, hari ini menafikan anak syarikat milik kerajaan Selangor adalah antara 18 syarikat perladangan tempatan yang menyebabkan pembakaran terbuka di Sumatera Utara dan Kalimantan, Indonesia.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan syarikat yang dimaksudkan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN) adalah beberapa syarikat yang didaftarkan di negeri ini.

Beliau berkata, pada masa ini tidak ada anak syarikat kerajaan negeri Selangor terbabit dalam sektor perladangan di republik itu, terutama di Sumatera Utara.

"Ini kerana kita masih dalam proses menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan beberapa syarikat milik kerajaan Indonesia untuk membuka sektor perladangan kelapa sawit di republik itu.

"Kita belum ada ladang di Sumatera kerana semua masih dalam proses. Oleh itu, kita tidak terbabit dalam pembakaran terbuka itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor (Exco) di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini mengenai siasatan JPBBN bahawa banyak syarikat perladangan Malaysia yang disyaki terbabit dalam pembakaran hutan dan menyebabkan jerebu serius di rantau ini adalah anak syarikat milik beberapa kerajaan negeri.

Pengerusinya, Datuk Mohamed Rahmat dipetik sebagai berkata, JPBBN sudah mengenalpasti syarikat terbabit yang melabur dalam sektor pertanian di republik itu, iaitu syarikat milik kerajaan negeri Perak, Selangor, Johor, Sarawak, Terengganu dan Negeri Sembilan.

Menurutnya, hanya anak syarikat kerajaan negeri Perak melaporkan diri kepada Majlis Keselamatan Negara di Jabatan Perdana Menteri seperti diarahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, anak syarikat kerajaan negeri Selangor, Johor, Sarawak, Terengganu dan Negeri Sembilan belum berbuat demikian.

Abu Hassan berkata, pada masa ini beberapa anak syarikat kerajaan negeri Selangor baru dalam proses untuk menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan beberapa syarikat di Indonesia, untuk membuka sektor perladangan kelapa sawit di republik itu.

"Oleh kerana belum ada anak syarikat milik kerajaan Selangor membuka ladang di republik itu, ini bermakna kita tidak terbabit dalam pembakaran terbuka sama ada di Sumatera Utara atau Kalimantan," katanya.

(END)